

# SIARAN MEDIA

Untuk Siaran Segera



## BANK ISLAM TERBIT TRANCHE KEDUA SUKUK MURABAHAH SUBORDINAT BERNILAI RM400 JUTA

Sukuk Subordinat pertama diterbitkan oleh institusi perbankan Islam di Malaysia untuk tahun 2020

---

**KUALA LUMPUR, Khamis, [26 Mac 2020]:** Bank Islam Malaysia Berhad ("Bank Islam") hari ini menerbitkan tranche kedua Sukuk Murabahah Subordinat ("Sukuk") bernilai RM400 juta. Sukuk ini merupakan Sukuk Subordinat pertama yang diterbitkan oleh institusi perbankan Islam di Malaysia untuk tahun 2020.

Sukuk ini dikategorikan sebagai modal kawalselia Aras 2 Bank Islam dalam mematuhi Rangka Kerja Kecukupan Modal (Komponen Modal) bagi Institusi Perbankan Islam oleh Bank Negara Malaysia. Penerbitan Sukuk ini akan meningkatkan kecukupan modal Bank Islam, sejajar dengan keperluan Basel III.

Sukuk ini yang akan ditebus balik pada nilai nominal penuh setelah tempoh matang, dengan pilihan pembelian pada tahun kelima terbitannya. Ia juga menerima penarafan A1/stabil oleh RAM Rating Services Berhad ("RAM Ratings").

Program Sukuk Murabahah Bank Islam ini telah dikemukakan kepada Suruhanjaya Sekuriti Malaysia ("SC") pada 6 September 2018. Di bawah program tersebut, Bank Islam diberi kelonggaran untuk menerbitkan Sukuk Murabahah Subordinat dan/atau Sukuk Murabahah Kanan dalam tempoh terlibat.

RAM Ratings telah mengesah semula penarafan jangka panjang terakhir A1/stabil dan AA3/stabil kepada Sukuk Murabahah Subordinat dan Sukuk Murabahah Kanan, masing-masing di bawah Program Sukuk Murabahah ini.

Bank Islam juga merupakan Penasihat Utama, Penyusun Utama, Ketua Pengurus, dan Penasihat Shariah bagi Program Sukuk Murabahah tersebut.

Program Sukuk Murabahah RM10 billion ini merupakan program Sukuk kedua yang diperkenalkan oleh Bank Islam. Tranche pertama di bawah program ini telah diterbitkan pada 7 November 2019 berjumlah RM 300 juta.

Pada Oktober 2014, Bank Islam telah mendapat kelulusan dari Bank Negara Malaysia ("BNM") dan Suruhanjaya Sekuriti untuk memperkenalkan Program Sukuk pertamanya dalam bentuk Program Sukuk Murabahah Subordinat bernilai RM1 bilion. Sejumlah tiga (3) tranche telah diterbitkan di bawah program sulung tersebut. Tranche pertama berjumlah RM300 juta diterbitkan pada April 2015, manakala tranche kedua yang berjumlah RM400 juta diterbitkan pada Disember 2015. Tranche ketiga bernilai RM300 juta telah diterbitkan pada November 2017.

Untuk makluman lanjut, sila layari [www.bankislam.com](http://www.bankislam.com)

---

**Mengenai Bank Islam**

Bank Islam Malaysia Berhad, anak syarikat kepada BIMB Holdings Berhad ditubuhkan pada 1983 sebagai Bank Islam pertama di Malaysia. Sehingga kini, Bank Islam mempunyai 144 cawangan dan lebih daripada 900 terminal layan diri di seluruh negara. Bagi memenuhi keperluan kewangan masyarakat Malaysia umumnya, Bank Islam menawarkan lebih daripada 70 produk dan perkhidmatan perbankan berlandaskan Syariah untuk memenuhi keperluan orang Islam dan bukan Islam. Untuk maklumat lebih lanjut mengenai produk dan perkhidmatan Bank Islam, sila lawati [www.bankislam.com](http://www.bankislam.com) atau hubungi Pusat Panggilan Bank Islam di talian 03-26 900 900.

**Untuk maklumat lanjut, sila hubungi:**

<b>Wan Norkhairi Wan Samad</b> Ketua, Komunikasi Korporat Kumpulan Bank Islam Malaysia Berhad Tingkat 31, Menara Bank Islam No. 22, Jalan Perak 50450 Kuala Lumpur Tel: 03-2782 1232 Mobile: 019-339 4491 Faks: 03-2782 2998 Emel: <a href="mailto:wnorkhairi@bankislam.com.my">wnorkhairi@bankislam.com.my</a> Web: <a href="http://www.bankislam.com">www.bankislam.com</a>	<b>Omar Afin</b> Penolong Timbalan Presiden Perhubungan Awam Komunikasi Korporat Kumpulan BIMB Holdings Berhad Tingkat 31, Menara Bank Islam No. 22, Jalan Perak 50450 Kuala Lumpur Tel.: 03-2781 2943 Mobile: 019-391 9144 Faks: 03-2782 2998 Emel: <a href="mailto:omar@bimboldings.com">omar@bimboldings.com</a> Web: <a href="http://www.bimboldings.com">www.bimboldings.com</a>
---	---